

## **Privacy Policy**

### **Introduction**

We, **JT APPS SDN. BHD.** (Company No. 1057460-X) of 3<sup>rd</sup> Floor, 39, Jalan Kuchai Maju 2, Off Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur are committed to protecting your privacy in line with Malaysia's Personal Data Protection Act 2010. We will use our best efforts to ensure that the information you submit to us remains private and is used only for the purpose(s) set forth herein.

This Privacy Policy outlines how we collect, store, use, share, process and protect personal data when individuals access or use our portal ("**Portal**"), all related websites, mobile applications, services and/or tools (collectively, our "**Service**"), or interact with us. This Privacy Policy also details how individuals can access and update their personal data and make certain choices about how their personal data is used.

By accessing or using our Service, you accept the practices and terms described in this Privacy Policy. If you do not agree to this Privacy Policy, please do not use our Service or give us any of your personal data.

### **Collection of Personal Data**

In the course of your dealings with us, we may request that you provide information about yourself or any other person ("**Personal Data**") for the purpose(s) stated in this Privacy Policy. We collect only personally identifiable information that is specifically and voluntarily provided by you.

In your communicating with us or by continuing to access or use our Service, we may collect certain data including but not limited to your name, company name, company registration number, contact information, email address, credit card and billing information, Internet Protocol (IP) address, website or mobile application usage information, information collected through the use of cookies, preferences such as preferred mode of communication, and other information permitted by applicable law.

To access or use our Service, you may provide your location information for some functions and features that utilize geolocation data for your convenience and to improve your user experience. In cases where we collect or use your geolocation data or any other Personal Data in the course of providing any additional service, we are not required to provide you with any notice or obtain your prior consent unless the applicable laws otherwise provided.

If you provide us Personal Data about another person, you confirm that the other person has appointed you to act on his/her behalf and has agreed that you can:-

- give consent on his/her behalf to the processing of his/her Personal Data;
- receive on his/her behalf any data protection notices; and
- warrant that you have obtained his/her consent for us to store his/her Personal Data or have the right to allow us to process his/her Personal Data.

### **Cookies and Other Tracking Technologies**

Cookies (small text files placed on your device) and similar technologies may be used on some pages of the Portal to enable us to streamline your experience of using the Portal, to enable effective provision of our Service, and to help collect usage and performance data. Cookies allow us to help us recognise when you return, store your preferences and settings, enable you to sign-in, combat fraud, and analyse how the Portal is performing.

We may also use small pieces of code called “web beacons” or “clear GIFs” to collect anonymous and aggregate advertising metrics such as counting page views, promotion views, or advertising responses. A web beacon is an electronic image called a single-pixel or clear GIF. Web beacons can recognise certain types of information, such as a user’s cookie number, time and date of a page view, and description of the page where the web beacon is placed. These web beacons may be used to deliver cookies that conform to our cookies policy. Such cookies, web beacons and clear GIFs may come from third parties.

We may further use cookies for the following purposes:-

- Security enhancement of our systems;
- Storage of your preferences and providing customised services to you; and
- Helping us understand how people use these services and improving them.

You may choose to accept or refuse the use of cookies including cookies associated with the Portal, or to indicate when a cookie is being set by us. You may refuse the use of cookies by selecting the appropriate settings on your browser, however, you may not be able to use the full functionality of the Portal. After termination of the visit to the Portal, you can always delete the cookie from your system if you wish.

Cookies and other tracking technologies may also be used to support analytics by other third parties.

By continuing to use our Service, you consent to our use of cookies and similar technologies in accordance with this Privacy Policy.

### **Source of Personal Data**

The Personal Data collected, used and processed by us are sourced from wholly legitimate and transparent means including but not limited to:-

- your access or use of our Service;
- any emails or correspondences that we have received from you requesting for information or making any inquiries;
- during conversations between you and our representatives;
- any applications or forms that you have submitted on the Portal;
- customer surveys or promotional events;
- authorised third parties, including but not limited to credit reporting agencies, regulatory and enforcement agencies, and other government entities;
- contractors, and business partners; and
- mailing lists.

## **Purpose of Collection of Personal Data**

We may collect, use and process Personal Data which shall include but not limited to the following purposes:-

- to administer your Account;
- to deliver products that you purchase from the Portal;
- to inform and update you on the delivery of the products and for customer support purposes;
- to verify and carry out financial transactions in relation to payments you may make online;
- to enable us to provide, facilitate, perform, personalise and improve our Service to meet your current and future needs;
- to help us understand and develop a customised user experience based on your preferences, behaviour and activities;
- to contact and communicate with you;
- to respond to your enquiries, and to provide customer support;
- to resolve disputes or to investigate any complaints you made or made against you;
- to prevent, detect or investigate any potential breaches, illegal activities or prohibited content on our Service;
- to monitor and analyse your use of our Service;
- to research, evaluate and develop our Service;
- for general operation and maintenance of our Service and/or the Portal;
- to promote or communicate information, updates, and news about our Service or new services of ours, our subsidiaries and third parties, and such communications may be initiated from us or through third parties;
- to be used in, to provide and/or to improve our Service, market surveys, processing invoices and payment, and client profiling activities regarding our Service;
- for internal functions such as evaluating the effectiveness of marketing, market research, statistical analysis and modelling, reporting, audit, and risk management;
- to develop, show, measure and track advertising (including but not limited to content, survey and promotions of our Service or new services of ours, our subsidiaries and third parties), and to collect information about you and on how you interact with it while you use our Service;
- to maintain our operations or client relationship management systems;
- to enforce and exercise rights stated in this Privacy Policy or the Terms of Use;
- to maintain and upkeep customer or company records and development in the ordinary course of business;
- for our internal record keeping;
- for prevention and detection of crime;
- to conduct client due diligence, to verify your identity, to monitor, detect and deter unauthorised or fraudulent use or abuse of our Service;
- for the preparation and execution of all necessary documents, agreements and/or contracts for our Service;
- those purposes specifically provided for in any particular service offered by us; and
- to meet any legal or regulatory requirements relating to all the commercial transactions, our conduct of the business or activities or our provision of services, and to make disclosure under the requirements of any applicable law, regulation, direction, court order, by laws,

guideline, circular, code applicable to us or any member of our group of companies from time to time.

### **Consequences of Refusal or Failure to Provide Personal Data**

Unless stated otherwise, the Personal Data provided to us are wholly voluntary in nature and you are not under any obligation or duress to do so. However, in some circumstances if you do not provide us with the Personal Data described in this Privacy Policy, we shall not be held liable for any of the consequences arising therefrom:-

- the inability for us to provide you with the products or services you requested, either to the same standard, or at all;
- the inability for us to provide you with information about products and services that you may want, including information about discount sales or special promotions, or our new products or services;
- the inability for us to tailor the content of the Portal to your preferences and your experience of the Portal may not be as enjoyable or useful;
- the inability to complete commercial transactions in relation to our Service; and
- the inability to comply with any applicable law, regulation, direction, court order, by laws, guidelines and/or codes applicable to us.

### **Disclosure of Personal Data**

In order for us to fulfil the purposes listed above, the Personal Data may be disclosed to the following, but not limited to, classes of parties:-

- other users of the Portal;
- any persons, government agencies, statutory authorities and/or industry regulators whom we are compelled or required to do so pursuant to any law, or if we have good faith belief that such disclosure is necessary to protect and/or defend our rights and interests or in connection with an investigation of fraud, infringement, piracy, tax avoidance and evasion or other unlawful activity;
- any of our holding, subsidiary or related companies, including those incorporated in the future, and/or any member of our group of companies;
- our existing or potential business partners and affiliates that provide related services or products in connection with our business;
- our auditors, consultants, lawyers, accountants or other financial or professional advisers appointed in connection with our business;
- our employees, partnerships, joint venture entities, contractors or third-party service providers, third party management companies, subcontractors or other parties as may be deemed necessary by us to facilitate your dealings with us;
- third parties (including those overseas) who provide data processing services or payment gateway services; and
- any person who is under a duty of confidentiality to which he/she has undertaken to keep such data confidential which we have engaged to fulfil our obligations to you.

Third parties are legally tasked with processing the Personal Data in line with the principles specified by us. Third parties are also held legally responsible for securing the Personal Data

at an appropriate level of security in relation to applicable data protection laws and widely accepted industry standards.

If we or our business is acquired by another entity or merged with another entity or there is a proposed acquisition or merger, the Personal Data may be transferred to such entity as part of the proposed or actual merger or acquisition.

### **Protection of Personal Data**

We ensure that all appropriate confidentiality obligations and technical and organisational security measures are in place to protect the confidentiality and security of the Personal Data collected through the various methods described in this Privacy Policy to prevent any unauthorised access, unauthorised or unlawful alteration, disclosure or processing of such information and data, and the accidental loss or destruction of or damage to such information and data. These efforts include but are not limited to:-

- storing the Personal Data in systems that are protected by secure networks and secure operating environments that are not available to the public and are only accessible by our employees for the purpose of performing their official duties, and authorised third parties who are contractually bound to take reasonable measures to keep the Personal Data secure;
- regularly monitoring our systems for possible vulnerabilities and attacks and regularly review our information collection, storage and processing practices to update our physical, technical and organizational security measures; and
- verifying the identities of users before they can access the Personal Data we maintain about them.

Compliance with these provisions will be required by all authorised third parties who may access the Personal Data as described above.

### **Promotion**

We may send you direct marketing communications and information that we consider may be of interest to you. These communications may be sent in various forms, including mail, SMS or email. If you indicate a preference for a method of communication, we will endeavour to use that method whenever practical to do so.

### **Third Parties and Social Media**

We may allow third parties including, but not limited to, authorised service providers, advertising companies, data management platforms, and advertising networks to serve advertisements on the Portal. These third parties may use tracking technologies (e.g. cookies, web beacons, device IDs, or advertising IDs) to collect information about users who view or interact with their advertisements. Any information that these third parties collect via cookies is completely anonymous and non-identifiable. You may refuse the use of third-party data collection by selecting the appropriate settings on your browser.

There are a number of places on the Portal where you may access third party websites that do not operate under this Privacy Policy and that we do not control. Such third party websites may

collect your information, including the Personal Data. We recommend that you consult the privacy statements of all third-party websites you visit.

### **Choices to Limit Processing of Personal Data**

You have the right to limit in part, or wholly, any of the processes by which the Personal Data is subjected to in terms of the operations allowed to be performed upon it, the period of time allowed, or alternatively, the deadline of the consent given.

The responsibility for compliance rests with us, who determines the purposes and means of processing of the Personal Data.

You shall notify us in writing to request the Personal Data to be retained by us so long as it is necessary for the fulfilment of the purposes for which it was collected only or inform us your objection to the use of the Personal Data for marketing purposes whereupon we will not use the Personal Data for such purpose. You may withdraw, in full or in part, your consent given below. Your withdrawal in each case is subject to any applicable legal restrictions, contractual conditions, and a reasonable time period. Your withdrawal may also be subject to whether it would affect the operation of our business.

### **Your Rights**

In respect of the Personal Data which you have submitted to us, you have the right at any time to:-

- request for access to the Personal Data in our records;
- request to make correction of the Personal Data in our records in the event the information is inaccurate, misleading, out-of-date or incomplete upon validation and verification of the new information provided;
- request to cease processing the Personal Data for the purposes of marketing;
- object to the processing of the Personal Data, ask us to restrict or limit processing of the Personal Data or request portability of the Personal Data;
- withdraw your consent for us to continue processing the Personal Data; and
- complain to a data protection authority about our collection and use of the Personal Data. For more information, please contact your local data protection authority.

In respect of requests for access to or to make correction of the Personal Data in our records, or to cease processing the Personal Data for the purposes of marketing, such requests must be made in writing and supported with submission of the relevant documents as required by us in person from time to time to the following address listed below. We will only make appropriate corrections based on the updated information provided by you. When requested and practical, we will delete identifying information from our current operation systems. Your request may also be subject to payment of a fee in accordance with applicable legal requirements.

### **Editing or Deleting Personal Data**

You may edit the information stored for your Account during registration at any time through your user account control panel. You may request for deletion of the Personal Data by us and

we will use commercially reasonable efforts to honour your request. However, please note that we may be required to keep such information and not delete it (or to keep this information for a certain time, in which case we will comply with your deletion request only after we have fulfilled such requirements). When we delete any information, it will be deleted from the active database but may remain in our archives. We may also retain your information for fraud or similar purposes.

To provide our Service, we may process and store your information on servers located in Malaysia or other jurisdictions where we deem it appropriate or desirable unless the applicable law otherwise provided. There may be a possibility that the data protection level in other jurisdictions do not completely meet the requirements of data protection law in your country or region, but all such transfers are performed in accordance with the requirements of applicable law.

We may retain the Personal Data while your Account remains active and for a period necessary to fulfil any of the applicable purposes of use described in this Privacy Policy or to comply with any applicable laws and regulations.

Further, we may retain the Personal Data following the closure or termination of your account if retention is reasonable and necessary to:-

- comply with applicable laws, regulations or legal obligations;
- provide and complete customer support service;
- resolve disputes between or with our users; or
- detect and deter unauthorised or fraudulent use of or abuse of our Service.

### **Retention of Personal Data**

The Personal Data you submit to us will only be retained for as long as is required for the purpose(s) for which it was collected or as permitted by applicable law.

In practice, we delete or anonymize the Personal Data upon deletion of your Account, unless:-

- we must keep it to comply with applicable law;
- we must keep it to evidence our compliance with applicable law;
- there is an outstanding issue, claim or dispute requiring us to keep the relevant information until it is resolved; or
- the information must be kept for our legitimate business interests, such as fraud prevention and enhancing users' safety and security.

Even though our systems are designed to carry out data deletion processes according to the above guidelines, we cannot promise that all data will be deleted within a specific timeframe due to technical constraints.

### **Opting Out and Unsubscribe**

If you change your mind at any time about receiving information from us, you can contact us in writing to us. Please be aware that once we have received your request to unsubscribe, it

may take up to fourteen (14) working days for us to process your request and to be reflected in our systems. Therefore, you may still receive marketing materials/communication during this period of time.

### **Age Restriction**

As our Service is strictly for individuals who are 18 years of age and above, any individuals under the age of 18 are not allowed to use our Service or provide any personal data. We do not knowingly solicit, collect, store, use or share personal data from any individuals under the age of 18. If we discover that we have collected or received personal data from such individuals, we will delete that data from our servers. If you believe that a user is under the age of 18 and has provided us with their personal data, please notify us at [support@jtapps.com.my](mailto:support@jtapps.com.my) or report this on our mobile application. By using our Service, you represent that you are at least the age of consent in your state, province or country of residence.

### **Language**

In the event of any conflict between the English and Bahasa Malaysia versions of this Privacy Policy, the English version shall prevail.

### **Changes to Privacy Policy**

We shall have the right to modify, update or amend the terms of this Privacy Policy at any time. Should this Privacy Policy change, we will take reasonable steps to ensure that these changes are brought to your attention by posting all changes prominently on the Portal for a reasonable period of time. We encourage you to regularly review this Privacy Policy to make sure you are aware of any such changes and how these may affect you. Continued access or usage of our Service and/or the Portal following posting of such changes shall indicate your acknowledgement of such changes and agreement to be bound by the terms of such changes. If you do not agree, you should immediately discontinue your use of our Service.

### **Contact Us**

If you have feedback, comments or questions about this Privacy Policy, or would like to access, correct, amend or delete the Personal Data we have, please contact us at:-

Contact:  
Customer Service Department  
JT APPS SDN. BHD.  
3<sup>rd</sup> Floor, 39,  
Jalan Kuchai Maju 2,  
Off Jalan Kuchai Lama,  
58200 Kuala Lumpur.

Email: [support@jtapps.com.my](mailto:support@jtapps.com.my)  
Tel No.: +603-79816636

Dated: 15 April 2019



## Dasar Privasi

### Pendahuluan

Kami, **JT APPS SDN. BHD.** (No. Syarikat: 1057460-X), di 3<sup>rd</sup> Floor, 39, Jalan Kuchai Maju 2, Off Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur adalah komited untuk melindungi privasi anda sejajar dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 di Malaysia. Kami akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan bahawa maklumat yang anda kemukakan kepada kami kekal peribadi dan hanya digunakan untuk tujuan(-tujuan) yang dinyatakan di sini.

Dasar Privasi ini menghuraikan bagaimana kami mengumpul, menyimpan, menggunakan, berkongsi, memproses dan melindungi data peribadi apabila individu mengakses atau menggunakan Portal kami ("**Portal**"), semua laman web, aplikasi mudah alih, perkhidmatan dan/atau alat yang berkaitan (secara kolektif, "**Perkhidmatan**" kami), atau berinteraksi dengan kami. Dasar Privasi ini juga memperincikan bagaimana individu boleh mengakses dan mengemaskini data peribadi mereka dan membuat pilihan tertentu tentang bagaimana data peribadi mereka digunakan.

Dengan mengakses atau menggunakan Perkhidmatan kami, anda bersetuju dengan amalan dan terma-terma yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini. Jika anda tidak bersetuju dengan Dasar Privasi ini, sila jangan gunakan Perkhidmatan kami atau berikan kami sebarang data peribadi anda.

### Pengumpulan Data Peribadi

Semasa anda berurusan dengan kami, kami mungkin meminta anda memberikan maklumat mengenai diri anda atau mana-mana orang lain ("**Data Peribadi**") untuk tujuan(-tujuan) yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini. Kami hanya mengumpul maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi yang diberikan secara khusus dan sukarela oleh anda.

Semasa anda berkomunikasi dengan kami atau dengan terus mengakses atau menggunakan Perkhidmatan kami, kami mungkin mengumpul data tertentu termasuk tetapi tidak terhad kepada nama anda, nama syarikat, nombor pendaftaran syarikat, maklumat perhubungan, maklumat kad kredit dan pengebilan, alamat Internet Protokol (IP), maklumat penggunaan laman web atau aplikasi mudah alih, maklumat yang dikumpulkan melalui penggunaan cookies, keutamaan seperti pilihan cara komunikasi, dan maklumat lain anda yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.

Untuk mengakses atau menggunakan Perkhidmatan kami, anda boleh memberikan maklumat lokasi anda untuk beberapa fungsi dan ciri yang menggunakan data geolokasi untuk kemudahan anda dan untuk mempertingkatkan pengalaman pengguna anda. Dalam keadaan di mana kami mengumpul atau menggunakan data geolokasi anda atau sebarang Data Peribadi lain semasa menyediakan sebarang perkhidmatan tambahan, kami tidak diwajibkan untuk memberi anda sebarang notis atau mendapatkan persetujuan anda terlebih dahulu melainkan diwajibkan oleh undang-undang yang terpakai.

Jika anda memberi kami Data Peribadi mengenai orang lain, anda mengesahkan bahawa orang tersebut telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan telah bersetuju bahawa anda boleh:-

- memberi persetujuan bagi pihaknya terhadap pemprosesan Data Peribadinya;
- menerima bagi pihaknya sebarang notis perlindungan data; dan
- menjamin bahawa anda telah mendapat persetujuannya supaya kami boleh menyimpan Data Peribadinya atau mempunyai hak untuk membenarkan kami memproses Data Peribadinya.

### **Cookies dan Teknologi Pengesanan Yang Lain**

Cookies (fail-fail teks kecil yang diletakkan pada peranti anda) dan teknologi yang serupa boleh digunakan pada Portal untuk membolehkan kami menyelaraskan pengalaman anda menggunakan Portal, untuk membolehkan penyediaan berkesan Perkhidmatan kami, dan untuk membantu mengumpul data penggunaan dan prestasi. Cookies membolehkan kami membantu kami mengenali apabila anda kembali, menyimpan pilihan dan tetapan anda, membolehkan anda mendaftar masuk, memerangi penipuan, dan menganalisis pelaksanaan Portal.

Kami juga mungkin menggunakan kepingan-kepingan kecil kod yang dipanggil “*web beacons*” atau “*clear GIFs*” untuk mengumpul agregat metrik pengiklanan yang tidak bernama (“*anonymous*”) seperti mengira layaran halaman, layaran promosi atau respons pengiklanan. “*Web beacon*” adalah suatu imej elektronik yang dipanggil piksel tunggal atau “*clear GIF*”. “*Web beacon*” dapat mengenali beberapa jenis maklumat tertentu seperti nombor cookie pengguna, masa dan tarikh paparan halaman, dan perihalan halaman di mana “*web beacon*” itu diletakkan. “*Web beacon*” boleh digunakan untuk menyampaikan cookies yang mematuhi dasar cookies kami. Cookies, “*web beacons*” dan “*clear GIFs*” sedemikian mungkin berasal dari pihak ketiga.

Kami mungkin menggunakan cookies untuk tujuan berikut:-

- Peningkatan keselamatan sistem-sistem kami;
- Menyimpan keutamaan anda dan menyediakan perkhidmatan yang disesuaikan kepada anda;
- Membantu kami memahami bagaimana individu menggunakan perkhidmatan ini dan mempertingkatkaninya.

Anda boleh memilih untuk menerima atau menolak penggunaan cookies termasuk cookies yang dikaitkan dengan Portal, atau untuk menunjukkan apabila cookies telah ditetapkan oleh kami. Anda boleh menolak penggunaan cookies dengan memilih tetapan yang sesuai pada penyemak imbas anda, namun, anda mungkin tidak dapat menggunakan fungsi penuh Portal. Selepas penamatan lawatan ke Portal, anda sentiasa boleh memadam cookies dari sistem anda jika anda mahu.

Cookies dan teknologi pengesanan yang lain juga boleh digunakan untuk menyokong analisis oleh pihak ketiga yang lain.

Dengan terus menggunakan Perkhidmatan kami, anda bersetuju dengan penggunaan cookies dan teknologi yang serupa kami selaras dengan Dasar Privasi ini.

## **Sumber Data Peribadi**

Data Peribadi yang dikumpul, digunakan dan diproses oleh kami adalah diperolehi dari cara-cara yang sah dan telus termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- akses atau penggunaan anda Perkhidmatan kami;
- sebarang emel atau apa-apa surat-menyurat yang kami terima daripada anda untuk meminta maklumat atau membuat sebarang pertanyaan;
- semasa perbualan antara anda dan wakil kami;
- sebarang permohonan atau borang yang anda telah kemukakan pada Portal;
- kaji selidik pelanggan atau acara promosi;
- pihak ketiga yang diberi kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi rujukan kredit, agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan, dan entiti kerajaan yang lain;
- kontraktor dan rakan-rakan niaga; dan
- senarai-senarai mel.

## **Tujuan Pengumpulan Data Peribadi**

Kami mungkin mengumpul, menggunakan dan memproses Data Peribadi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan yang berikut:-

- untuk mentadbir Akaun anda;
- untuk menghantar produk-produk yang anda beli dari Portal;
- untuk memaklumkan dan mengemaskinikan anda berkenaan penghantaran produk-produk dan untuk tujuan sokongan pelanggan;
- untuk mengesahkan dan melaksanakan urusan kewangan berkaitan dengan pembayaran yang anda boleh buat atas talian (“online”);
- untuk membolehkan kami menyediakan, memudahkan, melaksanakan, memperibadikan dan mempertingkatkan Perkhidmatan kami untuk memenuhi keperluan semasa dan masa depan anda;
- untuk membantu kami memahami dan membangunkan pengalaman pengguna yang disesuaikan berdasarkan keutamaan, tingkah laku dan aktiviti anda;
- untuk menghubungi dan berkomunikasi dengan anda;
- untuk menjawab pertanyaan anda, dan memberikan sokongan pelanggan;
- untuk menyelesaikan pertikaian atau menyiasat sebarang aduan yang dibuat oleh atau terhadap anda;
- untuk mencegah, mengesan atau menyiasat sebarang pelanggaran berpotensi, aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang atau kandungan yang dilarang pada Perkhidmatan kami;
- untuk memantau dan menganalisis penggunaan anda Perkhidmatan kami;
- untuk menyelidik, menilai dan membangunkan Perkhidmatan kami;
- untuk operasi am dan penyelenggaraan Perkhidmatan kami dan/atau Portal;
- untuk mempromosi atau menyampaikan maklumat, kemas kini dan berita mengenai Perkhidmatan kami atau perkhidmatan baru kami, syarikat subsidiari kami dan pihak ketiga, dan komunikasi sedemikian boleh dilaksanakan oleh kami atau melalui pihak ketiga;

- untuk digunakan dalam, untuk menyediakan dan/atau mempertingkatkan Perkhidmatan kami, kaji selidik pasaran, pemprosesan invois dan pembayaran dan aktiviti profil klien mengenai Perkhidmatan kami;
- untuk fungsi dalaman seperti menilai keberkesanan pemasaran, penyelidikan pemasaran, analisis statistik dan pemodelan, pelaporan, audit dan pengurusan risiko;
- untuk membangun, menunjukkan, mengukur dan menjejaki pengiklanan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kandungan, kaji selidik dan promosi Perkhidmatan kami atau perkhidmatan baru kami, syarikat subsidiari kami dan pihak ketiga), dan untuk mengumpul maklumat tentang anda dan bagaimana anda berinteraksi dengannya semasa anda menggunakan Perkhidmatan kami;
- untuk mengekalkan sistem-sistem pengurusan operasi atau hubungan pelanggan kami;
- untuk menguatkuasakan dan melaksanakan hak-hak yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini atau Syarat Penggunaan kami;
- untuk mengekalkan dan memelihara rekod pelanggan atau syarikat dan pembangunan dalam perjalanan biasa perniagaan;
- untuk penyimpanan rekod dalaman kami;
- untuk pencegahan dan pengesanan jenayah;
- untuk menjalankan ketekunan wajar pelanggan, untuk mengesahkan identiti anda, untuk memantau, mengesan dan menghalang penggunaan atau penyalahgunaan Perkhidmatan kami tanpa izin atau penipuan;
- untuk penyediaan dan pelaksanaan semua dokumen, perjanjian dan/atau kontrak yang diperlukan untuk Perkhidmatan kami;
- tujuan-tujuan yang diperuntukkan secara khusus dalam sebarang perkhidmatan tertentu yang ditawarkan oleh kami; dan
- untuk memenuhi sebarang syarat undang-undang atau pengawalseliaan yang berkaitan dengan semua urusan komersial, kelakuan perniagaan atau aktiviti kami atau peruntukan perkhidmatan kami, dan untuk membuat pendedahan di bawah kehendak mana-mana undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil (“*by laws*”), garis panduan, pekeliling dan kod yang terpakai terhadap kami atau mana-mana ahli kumpulan syarikat kami dari semasa ke semasa.

### **Akibat Penolakan/Kegagalan untuk Memberi Data Peribadi**

Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, Data Peribadi yang diberikan kepada kami adalah diberi secara sukarela dan anda tidak mempunyai apa-apa kewajipan atau dipaksa untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, dalam beberapa keadaan jika anda tidak memberikan Data Peribadi yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini, kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang akibat yang timbul daripadanya:-

- ketidakupayaan kami untuk menyediakan produk atau perkhidmatan yang anda minta, sama ada dengan standard yang sama, atau sama sekali;
- ketidakupayaan kami untuk menyediakan anda dengan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang anda mungkin ingin, termasuk maklumat mengenai jualan diskaun atau promosi istimewa, atau produk atau perkhidmatan baru kami;
- ketidakupayaan kami untuk menyesuaikan kandungan Portal kepada keutamaan anda dan pengalaman anda pada Portal mungkin tidak menyenangkan atau berguna;
- ketidakupayaan kami untuk melengkapkan transaksi komersial berkaitan dengan Perkhidmatan kami; dan

- ketidakupayaan untuk mematuhi sebarang undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil (“*by laws*”), garis panduan dan/atau kod yang terpakai pakai terhadap kami.

### **Pendedahan Data Peribadi**

Untuk membolehkan kami memenuhi tujuan yang disenaraikan di atas, Data Peribadi mungkin didedahkan kepada, tetapi tidak terhad kepada, kelas-kelas yang berikut:-

- pengguna-pengguna lain Portal;
- mana-mana orang, agensi kerajaan, pihak berkuasa berkanun dan/atau pengawal setia industri di mana kami diperlukan atau dikehendaki berbuat demikian selaras dengan mana-mana undang-undang, atau sekiranya kami mempunyai kepercayaan yang baik bahawa penzahiran sedemikian perlu untuk melindungi dan/atau mempertahankan hak dan kepentingan kami atau berkaitan dengan penyiasatan penipuan, pelanggaran, cetak rompak, pengelakan cukai dan pengelakan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang;
- mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitan kami, termasuk yang diperbadankan pada masa akan datang dan/atau mana-mana ahli kumpulan syarikat kami;
- rakan kongsi perniagaan kami yang sedia ada atau berpotensi dan sekutunya yang membekalkan perkhidmatan atau produk yang berkaitan dengan perniagaan kami;
- juruaudit, perunding, peguam, akauntan atau penasihat kewangan atau profesional lain yang dilantik berkaitan dengan perniagaan kami;
- pekerja, perkongsian, entiti usaha sama, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga, syarikat pengurusan pihak ketiga, subkontraktor atau pihak-pihak lain yang dianggap perlu oleh kami untuk memudahkan urusan anda dengan kami;
- pihak ketiga (termasuk yang di luar negara) yang menyediakan perkhidmatan pemprosesan data atau perkhidmatan gerbang pembayaran; dan
- mana-mana orang di bawah tanggungjawab kerahsiaan yang wajib memastikan data tersebut adalah disimpan secara sulit dan yang telah dilantik oleh kami untuk melaksanakan tanggungjawab kami kepada anda.

Pihak ketiga bertanggungjawab secara sah untuk memproses Data Peribadi selaras dengan prinsip-prinsip yang ditentukan oleh kami. Pihak ketiga juga bertanggungjawab secara sah untuk menjamin Data Peribadi pada tahap keselamatan yang sesuai berkaitan dengan undang-undang perlindungan data yang terpakai dan diterima secara meluas piawaian industri.

Jika kami atau perniagaan kami diambil alih oleh entiti lain atau digabungkan dengan entiti lain atau terdapat cadangan untuk pengambilalihan atau penggabungan, Data Peribadi mungkin dipindahkan kepada entiti tersebut sebagai sebahagian daripada penggabungan atau pengambilalihan yang dicadangkan atau yang sebenar.

### **Perlindungan Data Peribadi**

Kami memastikan bahawa semua kewajipan kerahsiaan yang bersesuaian dan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi disediakan untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan Data Peribadi yang dikumpul melalui pelbagai kaedah yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini untuk mengelakkan akses tanpa izin, pemindaan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang, pendedahan atau pemprosesan maklumat dan data sedemikian, dan kehilangan

atau kemusnahan yang tidak sengaja atau kerosakan kepada maklumat dan data sedemikian. Usaha-usaha ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- menyimpan Data Peribadi dalam sistem yang dilindungi oleh rangkaian selamat dan persekitaran operasi yang selamat yang tidak tersedia kepada orang awam dan hanya boleh diakses oleh pekerja kami untuk tujuan melaksanakan tugas rasmi mereka, dan pihak ketiga yang diberi kuasa yang terikat kepada kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi selamat;
- sentiasa mengawasi sistem-sistem kami untuk kelemahan dan serangan yang berkemungkinan dan sentiasa mengkaji semula amalan pengumpulan, penyimpanan dan pemrosesan maklumat kami untuk mengemaskini langkah-langkah keselamatan fizikal, teknikal dan organisasi kami; dan
- mengesahkan identiti pengguna sebelum mereka boleh mengakses Data Peribadi yang kami simpan mengenainya.

Pematuhan dengan peruntukan ini diperlukan oleh semua pihak ketiga yang diberi kuasa yang boleh mengakses Data Peribadi seperti yang dinyatakan di atas.

### **Promosi**

Kami boleh menghantar kepada anda komunikasi pemasaran langsung dan maklumat yang kami anggap mungkin menarik minat anda. Komunikasi sedemikian boleh dihantar dalam pelbagai bentuk, termasuk mel, SMS atau emel. Jika anda menunjukkan keutamaan bagi kaedah komunikasi, kami akan berusaha untuk menggunakan kaedah tersebut bila-bila masa yang munasabah untuk berbuat demikian.

### **Pihak Ketiga dan Media Sosial**

Kami boleh membenarkan pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada penyedia perkhidmatan yang sah, syarikat pengiklanan, platform pengurusan data dan rangkaian pengiklanan untuk menyampaikan iklan pada Portal. Pihak ketiga sedemikian boleh menggunakan teknologi pengesanan (misalnya, cookies, “web beacons”, ID peranti atau ID pengiklanan) untuk mengumpul maklumat mengenai pengguna yang melihat atau berinteraksi dengan iklan-iklan mereka. Sebarang maklumat yang dikumpulkan oleh pihak ketiga melalui cookies adalah tanpa nama dan tidak dapat dikenal pasti. Anda boleh menolak penggunaan pengumpulan data pihak ketiga dengan memilih tetapan yang sesuai pada penyemak imbas anda.

Terdapat beberapa tempat pada Portal di mana anda boleh mengakses laman web pihak ketiga yang tidak beroperasi di bawah Dasar Privasi ini dan di mana kami tidak mengawalinya. Laman web pihak ketiga sedemikian boleh mengumpul maklumat anda, termasuk Data Peribadi. Kami mengesyorkan agar anda merujuk kepada kenyataan privasi semua laman web pihak ketiga yang anda lawati.

### **Pilihan untuk Mengehadkan Pemrosesan Data Peribadi**

Anda mempunyai hak untuk mengehadkan sebahagian, atau sepenuhnya, mana-mana proses di mana Data Peribadi adalah tertakluk dari segi operasi yang dibenarkan untuk dilaksanakan

ke atasnya, tempoh masa yang dibenarkan, atau sebagai alternatif, tarikh akhir persetujuan tersebut yang diberikan.

Tanggungjawab pematuhan terletak pada kami yang menentukan tujuan dan cara pemrosesan Data Peribadi.

Anda hendaklah memaklumkan kami secara bertulis untuk meminta Data Peribadi yang dikekalkan oleh kami selagi ia adalah diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan Data Peribadi tersebut dikumpulkan sahaja atau memaklumkan bantahan anda terhadap penggunaan Data Peribadi untuk tujuan pemasaran di mana kami tidak akan menggunakan Data Peribadi untuk tujuan tersebut. Anda boleh menarik balik, sepenuhnya atau sebahagiannya, persetujuan anda yang diberikan di bawah. Penarikan balik anda dalam setiap kes adalah tertakluk kepada sekatan undang-undang, terma-terma kontrak dan tempoh masa yang munasabah. Penarikan balik anda juga mungkin tertakluk kepada sama ada ia akan menjejaskan operasi perniagaan kami.

### **Hak-hak Anda**

Berkenaan dengan Data Peribadi yang anda telah kemukakan kepada kami, anda berhak untuk:-

- meminta akses kepada Data Peribadi di dalam rekod kami;
- meminta membuat pembetulan Data Peribadi dalam rekod kami jika maklumat itu tidak tepat, mengelirukan, tidak terkini atau tidak lengkap atas pengesahan data baru yang diberikan;
- meminta menghentikan pemrosesan Data Peribadi untuk tujuan pemasaran;
- membantah pemrosesan Data Peribadi, meminta kami untuk menyekat atau mengehentikan pemrosesan Data Peribadi atau meminta kemudahan Data Peribadi;
- menarik balik persetujuan anda untuk kami meneruskan pemrosesan Data Peribadi; dan
- mengadu kepada pihak berkuasa perlindungan data peribadi mengenai pengumpulan dan penggunaan Data Peribadi kami. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pihak berkuasa perlindungan data tempatan anda.

Berkenaan dengan permintaan untuk mengakses atau membuat pembetulan terhadap Data Peribadi dalam rekod kami, atau untuk menghentikan pemrosesan Data Peribadi untuk tujuan pemasaran, permintaan sedemikian hendaklah dibuat secara bertulis dan disokong dengan pengemukaan dokumen-dokumen yang berkaitan seperti yang dikehendaki oleh kami secara peribadi dari semasa ke semasa ke alamat yang disenaraikan di bawah. Kami hanya akan membuat pembetulan yang sewajarnya berdasarkan maklumat terkini yang diberikan oleh anda. Apabila diminta dan ianya praktikal, kami akan memadam maklumat yang boleh dikenal pasti dari sistem operasi semasa kami. Permintaan anda juga mungkin tertakluk kepada bayaran fi selaras dengan syarat undang-undang yang terpakai.

### **Menyunting atau Memadam Data Peribadi**

Anda boleh menyunting data yang disimpan untuk Akaun anda semasa pendaftaran pada bila-bila masa melalui panel kawalan akaun pengguna anda. Anda boleh meminta pemadaman Data Peribadi oleh kami, dan kami akan menggunakan usaha yang munasabah secara komersial

untuk menghormati permintaan anda. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa kami mungkin dikehendaki menyimpan maklumat tersebut dan tidak memadamnya (atau menyimpan maklumat tersebut untuk suatu masa yang tertentu, di mana kami akan mematuhi permintaan pemadaman anda hanya setelah kami memenuhi syarat tersebut). Apabila kami memadam sebarang maklumat, ia akan dipadamkan dari pangkalan data aktif tetapi mungkin kekal dalam arkib kami. Kami juga mungkin menyimpan maklumat anda untuk penipuan atau tujuan yang sama.

Untuk menyediakan Perkhidmatan kami, kami mungkin memproses dan menyimpan maklumat anda pada pelayan yang terletak di Malaysia atau bidang kuasa lain yang kami anggap sesuai atau wajar kecuali undang-undang yang terpakai sebaliknya disediakan. Terdapat kemungkinan tahap perlindungan data di bidang kuasa lain tidak sepenuhnya memenuhi syarat-syarat undang-undang perlindungan data negara atau rantau anda, tetapi semua pemindahan sedemikian yang dilakukan adalah selaras dengan syarat-syarat undang-undang yang terpakai.

Kami mungkin menyimpan Data Peribadi semasa Akaun anda kekal aktif dan untuk suatu tempoh yang diperlukan untuk memenuhi sebarang tujuan penggunaan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini atau untuk mematuhi mana-mana undang-undang dan peraturan yang terpakai.

Selanjutnya, kami boleh menyimpan Data Peribadi berikutan penutupan atau penamatan Akaun anda jika penyimpanan adalah munasabah dan diperlukan untuk:-

- mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai atau kewajipan undang-undang;
- menyediakan dan melengkapkan perkhidmatan sokongan pelanggan;
- menyelesaikan pertikaian antara atau dengan pengguna kami; atau
- mengesan dan menghalang penggunaan atau penyalahgunaan Perkhidmatan kami tanpa izin atau penipuan.

### **Pengekalan Data Peribadi**

Data Peribadi yang anda kemukakan kepada kami hanya akan dikekalkan selagi diperlukan untuk tujuan(-tujuan) yang dikumpulkan atau seperti yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.

Dalam amalan, kami memadamkan atau menyamaratakan Data Peribadi selepas pemadaman Akaun anda, kecuali:-

- kami mesti menyimpannya untuk mematuhi undang-undang yang terpakai;
- kami mesti menyimpannya untuk membuktikan pematuhan kami dengan undang-undang yang terpakai;
- terdapat isu, tuntutan atau pertikaian yang tertunggak yang menghendaki kami menyimpan maklumat yang berkaitan sehingga ia diselesaikan; atau
- maklumat mesti disimpan untuk kepentingan perniagaan kami yang sah, seperti pencegahan penipuan dan mempertingkatkan keselamatan pengguna.



Walaupun sistem-sistem kami direka untuk menjalankan proses pemadaman data mengikut garis panduan di atas, kami tidak boleh berjanji bahawa semua data akan dipadamkan dalam tempoh masa yang tertentu disebabkan oleh kekangan teknikal.

### **Meninggalkan dan Menghentikan Langganan**

Jika anda berubah fikiran pada bila-bila masa untuk menerima maklumat daripada kami, anda boleh menghubungi kami secara bertulis. Sila ambil perhatian bahawa sebaik sahaja kami menerima permintaan anda untuk berhenti melanggan, ia mungkin mengambil masa sehingga empat belas (14) hari bekerja untuk kami memproses permintaan anda dan dapat dilihat dalam sistem kami. Oleh itu, anda mungkin masih menerima bahan/komunikasi pemasaran dalam tempoh masa ini.

### **Sekatan Umur**

Oleh kerana Perkhidmatan kami adalah hanya untuk individu yang berumur 18 tahun dan ke atas, mana-mana individu di bawah umur 18 tahun adalah tidak dibenarkan untuk menggunakan Perkhidmatan kami atau memberikan sebarang data peribadi. Kami tidak memancing, mengumpul, menyimpan, mengguna atau berkongsi dengan sengaja data peribadi mana-mana individu di bawah umur 18 tahun. Jika kami mendapati bahawa kami telah mengumpul atau menerima data peribadi daripada individu sedemikian, kami akan memadam data tersebut dari pelayan kami. Jika anda percaya bahawa seseorang pengguna adalah di bawah umur 18 tahun dan telah memberikan kami data peribadi mereka, sila maklumkan kami di [support@jtapps.com.my](mailto:support@jtapps.com.my) atau laporkan ini pada aplikasi mudah alih kami. Dengan menggunakan Perkhidmatan kami, anda mewakili bahawa anda adalah sekurang-kurangnya sudah berumur persetujuan di negeri, wilayah atau negara tempat tinggal anda.

### **Bahasa**

Sekiranya berlaku sebarang konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

### **Pembetulan terhadap Dasar Privasi**

Kami mempunyai hak untuk mengubahsuai, mengemaskini atau meminda terma-terma Dasar Privasi ini pada bila-bila masa. Jika Dasar Privasi ini berubah, kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan perubahan-perubahan ini akan dibawa kepada perhatian anda dengan menyiarkan semua perubahan dengan jelas pada Portal untuk tempoh masa yang munasabah. Kami menggalakkan anda untuk sentiasa menyemak semula Dasar Privasi ini untuk memastikan anda mengetahui sebarang perubahan dan bagaimana ianya boleh menjejaskan anda. Akses atau penggunaan berterusan Perkhidmatan kami dan/atau Portal selepas penyiaran perubahan sedemikian akan menunjukkan pengiktirafan anda mengenai perubahan sedemikian dan perjanjian tersebut untuk terikat dengan syarat perubahan tersebut. Jika anda tidak bersetuju, anda hendaklah menghentikan penggunaan Perkhidmatan kami dengan segera.

## **Hubungi Kami**

Jika anda mempunyai maklum balas, komen atau pertanyaan mengenai Dasar Privasi ini, atau ingin mengakses, membetulkan atau memadam Data Peribadi yang kami ada, sila hubungi kami di:-

Orang yang boleh dihubungi:  
Pegawai Khidmat Pelanggan  
JT APPS SDN. BHD.  
3<sup>rd</sup> Floor, 39,  
Jalan Kuchai Maju 2,  
Off Jalan Kuchai Lama,  
58200 Kuala Lumpur.

Emel: [support@jtapps.com.my](mailto:support@jtapps.com.my)  
No. Tel: +603-79816636

Bertarikh: 15 April 2019